

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB TUAN STEPHEN WONG TIEN FATT
KAWASAN : SANDAKAN**

SOALAN :

YB TUAN STEPHEN WONG TIEN FATT minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan semua pakej kerja dalam projek pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo dengan pecahan butiran kos, nama kontraktor dan tender.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sehingga kini sebanyak 12 daripada 35 pakej kerja telah dibuat pelantikan kontraktor dan memulakan kerja-kerja pembinaan di tapak. Perincian bagi setiap pakej kerja tersebut adalah seperti berikut:

1. Pakej dari Sindumin ke Melalia dengan kos sebanyak RM692,211,331.00 oleh kontraktor Juta Hajat – Kumpulan Kemajuan K.K. (Sabah) JV.;
2. Pakej dari Melalia ke Beaufort dengan kos sebanyak RM825,000,000.00 oleh kontraktor Expowarisan Konsortium Sdn. Bhd.;
3. Pakej dari Beaufort ke Bongawan dengan kos sebanyak RM483,775,000.00 oleh kontraktor Tanah Permai Sdn. Bhd.;
4. Pakej dari Bongawan ke Papar dengan kos sebanyak RM567,600,000.00 oleh kontraktor Pembinaan Kekal Mewah Sdn. Bhd.;
5. Pakej dari Papar ke Donggongon dengan kos sebanyak RM328,614,981.50 oleh kontraktor Akif Jaya Sdn. Bhd.;
6. Pakej dari Putatan ke Inanam dengan kos sebanyak RM917,000,000.00 oleh kontraktor Pembinaan Azam Jaya Sdn. Bhd.;
7. Pakej dari Putatan ke Inanam dengan kos sebanyak RM442,500,000.00 oleh kontraktor Perwira Progresif Construction Sdn. Bhd.;
8. Pakej dari Putatan ke Inanam dengan kos sebanyak RM523,000,000.00 oleh kontraktor Sinkong Fleet JV Sdn. Bhd.;
9. Pakej dari Putatan ke Inanam dengan kos sebanyak RM558,800,000.00

oleh kontraktor Kontraktor Jutawan Kaya JV Sdn. Bhd.;

10. Pakej dari Putatan ke Inanam dengan kos sebanyak RM165,038,814.22 oleh kontraktor BHO Sdn. Bhd.; dan

11. Pakej dari Putatan ke Inanam dengan kos sebanyak RM484,591,229.95 oleh kontraktor Sri Jutaya Sdn. Bhd.;

Walau bagaimanapun, satu pakej kerja yang dianugerahkan kepada kontraktor Intan Marudu Sdn. Bhd. melibatkan pakej dari Tawau ke Semporna telah ditamatkan kontrak disebabkan masalah prestasi kontraktor tersebut. Pakej kerja ini dijangka akan ditender semula dalam masa terdekat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan kontraktor seperti yang dinyatakan adalah dijalankan secara tender terbuka pra-kelayakan, iaitu satu proses tender terbuka dijalankan bagi tujuan menilai kedudukan syarikat kontraktor dari segi kewangan dan teknikal. Hasil daripada penilaian tersebut dibentang dan diperaku di peringkat jawatankuasa yang dipengerusikan oleh wakil Kerajaan Negeri Sabah. Seterusnya syarikat-syarikat yang melepasi tapisan penilaian ini akan dipelawa bagi menyertai tender pakej kerja.

Sekian, terima kasih.